

DD23

U B544 BAH  
MAHATHIR - UMNO

KUALA LUMPUR, 14 JUN (BERNAMA) -- PRESIDEN UMNO, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENASIHATKAN ANGGOTA-ANGGOTA UMNO SUPAYA BERSOPAN SANTUN DALAM SEBARANG PERTANDINGAN YANG DIADAKAN SEMPENA MESYUARAT PERINGKAT CAWANGAN DAN BAHAGIAN BAGI MEMPASTIKAN KEWIBAWAAN PARTI TIDAK TERJEJAS.

KATANYA, SETIAP ANGGOTA PERLU INGAT AKAN MATLAMAT PARTI YANG BUKANNYA SEMATA-MATA UNTUK MENONJOLKAN KEBEBASAN BERDEMOKRASI TETAPI MENGGUNAKAN PROSES DEMOKRASI ITU UNTUK MEWUJUDKAN PARTI YANG BERJAYA DAN BERKESAN.

PADA SATU PERSIDANGAN AKHBAR SELEPAS PERTEMUAN DENGAN SEMUA KETUA-KETUA PEMUDA DAN WANITA SERTA KETUA PENERANGAN PERINGKAT BAHAGIAN DI SINI HARI INI, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU TELAH MENYATAKAN HARAPANNYA KEPADA MEREKA SUPAYA MESYUARAT PERINGKAT CAWANGAN DAN SETERUSNYA PERINGKAT BAHAGIAN, DIADAKAN SECARA SEMPURNA.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA PUCUK PIMPINAN PARTI TIDAK MELARANG SEBARANG PERTANDINGAN YANG MUNGKIN DIADAKAN, TETAPI CUMA MENASIHATKAN ANGGOTA-ANGGOTA SUPAYA MENGELAKKAN PERSELISIHAN YANG MUNGKIN BERLAKU JIKA ADA PERTANDINGAN.

UMNO TIDAK MAHU MELIHAT KEDUDUKAN PARTI SEKALI LAGI DIHARAMKAN HANYA KERANA SATU ATAU DUA ANGGOTA YANG BOLEH MENGHANCURKAN USAHA PERPADUAN YANG DIWUJUDKAN OLEH LEBIH SATU JUTA ANGGOTA LAIN, KATANYA. -- LAGI  
2013MST 14 06 89

DD24

U B545 BAH  
MAHATHIR - UMNO 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERPENDAPAT, KEBANYAKAN ANGGOTA-ANGGOTA UMNO TERDIRI DARIPADA MEREKA YANG WARAS FIKIRAN DAN SAYANG KEPADA PARTI DAN DISEBABKAN ITU MEREKA DENGAN RELA HATI MENDAFTAR SEMULA SECEPAT MUNGKIN.

BELIAU PERCAYA KEDATANGAN KETUA-KETUA PEMUDA DAN WANITA PADA PERJUMPAAN ITU ADALAH DENGAN NIAT MENGUKUHKAN LAGI PARTI DAN YAKIN MATLAMAT ITU AKAN TERCAPAI.

MENGENAI KEMUNGKINAN PUCUK PIMPINAN AKAN MENETAPKAN PEMIMPIN-PEMIMPIN TERTENTU MERASMIKAN MESYUARAT BAHAGIAN SUPAYA TIDAK TIMBUL KEKECOHAN, BELIAU MENYIFATKAN PERKARA ITU SEBAGAI KECIL DAN BOLEH DIURUSKAN.

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA PADA PERJUMPAAN ITU BELIAU TELAH MENYAMPAIKAN SEBAHAGIAN DARIPADA SENARAI NAMA-NAMA ANGGOTA YANG BERDAFTAR SEBELUM 31 MAC YANG LAYAK MENYERTAI MESYUARAT PERINGKAT CAWANGAN DAN BAHAGIAN. MEREKA JUGA LAYAK UNTUK BERTANDING DALAM PEMILIHAN JAWATAN YANG DIADAKAN.

PENYERAHAN SEBAHAGIAN LAGI SENARAI NAMA-NAMA, AKAN DIURUSKAN OLEH IBU PEJABAT. -- BERNAMA  
2015MST 14 06 89